

UNTUK SIARAN SEGERA

Program Geran Komuniti Merdeka 118 Kini Kembali Dengan Pusingan Kedua!

Kuala Lumpur, 1 Disember 2022 – Dengan kejayaan memberangsangkan yang ditunjukkan melalui Pusingan Pertama Program Geran Komuniti Merdeka 118, program ini terus menyemarakkan keterujaan kalangan komuniti sekitar presint Merdeka 118 dengan pusingan yang kedua. PNB Merdeka Ventures Sdn. Berhad (PMVSB), anak syarikat milik penuh Permodalan Nasional Berhad (PNB) meneruskan usaha sama dengan Think City dalam pencarian projek kolaborasi yang bertujuan memperkasa perniagaan setempat dan komuniti di kawasan ibu kota bersejarah Kuala Lumpur.

Menurut Ketua Pegawai Eksekutif PMVSB, Tengku Dato' Ab. Aziz Tengku Mahmud, “Pusingan Kedua Program Geran Komuniti Merdeka 118 melambangkan kejayaan pusingan pertama yang telah menunjukkan impak positif yang nyata. Selain mengeratkan hubungan silaturahim bersama komuniti di sekitar presint, kami turut menggalakkan keusahawanan, meningkatkan tahap keselesaan hidup serta mempertengahkan kebudayaan dan warisan. Sehubungan itu, kami amat berbesar hati dapat menggiatkan lagi usaha ini terutamanya dalam pembangunan presint dan komuniti secara meluas.”

Hamdan Abdul Majeed, Pengarah Urusan Think City turut menyatakan “Kami amat berbangga dapat meneruskan lagi kerjasama dengan PMVSB menerusi Pusingan Kedua Program Geran Komuniti Merdeka 118. Usaha menghidupkan sesebuah kawasan merupakan tanggungjawab bersama dan PMVSB telah menjadi teladan yang baik dalam menggalakkan perkembangan perniagaan dan komuniti sekitar untuk bersama-sama menjana semula kawasan ini.”

Pusingan Kedua Program Geran Komuniti Merdeka 118 turut menyasarkan projek yang dapat menyokong dan menambahbaik projek-projek dibawah Pusingan Pertama yang terus menunjukkan kemajuan dan impak positif daripada komuniti setempat.

Pemohon yang berminat untuk menyertai Pusingan Kedua Program Geran Komuniti Merdeka 118 boleh menghantar borang permohonan atas talian bermula 1 Disember 2022 sehingga 9 Januari 2023 menerusi laman web rasmi. Sepanjang tempoh ini, terdapat juga acara hari terbuka selama empat hari yang merangkumi tiga sesi secara maya dan satu sesi secara fizikal yang diadakan untuk memberi taklimat berkenaan program dan mengadakan sesi sumbang saran dengan komuniti setempat. Setiap sesi akan berlangsung seperti berikut:

Sesi Secara Maya

1. 5 Disember 2022, dari pukul 10.00 pagi hingga 11.30 pagi
2. 7 Disember 2022, dari pukul 8.00 malam hingga 9.30 malam
3. 16 Disember 2022, dari pukul 8.00 malam hingga 9.30 malam

Link Pendaftaran: <https://forms.gle/3VG4Y4F8jMFKpd4b6>

Sesi Secara Fizikal

1. 13 Disember 2022, dari pukul 5.00 petang hingga 7.00 malam

Lokasi: Think City Kuala Lumpur High Street Studios, Level 1, No 36-40, Jalan Tun HS Lee, 50100 Kuala Lumpur

Link Pendaftaran: <https://forms.gle/gbrcZdWA42Tk3tem6>

Keutamaan akan bertumpu kepada bidang sukan, seni, pendidikan dan komuniti perniagaan. Pemohon yang berminat untuk menyertai Pusingan Kedua bagi Program Geran Komuniti Merdeka 118 hendaklah mematuhi objektif program berdasarkan panduan dan kriteria yang telah ditetapkan. Sama seperti Pusingan Pertama, setiap pemohon mestilah terdiri daripada komuniti dan kejiranan di sekitar kawasan presint Merdeka 118 iaitu, Petaling Street, Bukit Bintang, Kampung Attap dan kawasan sekitar Pudu.

Semua cadangan projek akan menjalani proses penilaian oleh Panel Penilai yang terdiri daripada wakil PMVSB dan Think City, bersama Panel Penasihat Teknikal dalam kalangan pakar dari bidang Sukan, Seni, Komuniti, Teknologi, Pemuliharaan dan Warisan serta Pembangunan Perniagaan. Pada masa yang sama, pemohon digalakkan untuk membuat pelaburan bersama dalam idea projek yang dicadangkan bagi memastikan kelestarian projek ini berpanjangan.

Pusingan Kedua Program Geran Komuniti Merdeka 118 merupakan kesinambungan daripada Pusingan Pertama yang telah dilancarkan pada Jun 2021. Pusingan Pertama telah menerima sambutan baik dengan penyertaan seramai 138 pemohon dari seluruh Malaysia. Melalui proses penilaian kritikal yang diadakan selama lapan minggu, enam projek yang menarik telah dipilih daripada 38 cadangan yang telah disenarai pendek.

Sehingga kini, kesemua penerima geran pada Pusingan Pertama telah menunjukkan perkembangan yang memberangsangkan. Ini termasuklah projek Pemeliharaan Lebah Tanpa Sengat Pintar yang diusahakan oleh Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (IIUM) di mana mereka telah mengadakan acara menuai madu kelulut yang pertama pada bulan Ogos 2022 di Perumahan Awam (PA) Seri Sarawak.

Tidak ketinggalan, geran ini turut melibatkan projek baik pulih gelanggang bola keranjang komuniti di Jalan Hang Jebat dan upacara pembukaan semula telah diadakan pada Jun 2022 bersempena pertandingan bola keranjang “*First Summer*”.

Inisiatif lain yang turut terpilih ialah projek “*Eat, Pray, Love*” di Petaling Street oleh Kaki Jelajah Warisan di mana buat julung kalinya pada Mac 2021, mereka telah menganjurkan taklimat dan aktiviti berjalan kaki yang bertemakan “*Spirit of Merdeka*” menyusuri bangunan warisan di sekitar presint termasuklah fokus utamanya Stadium Merdeka.

“The Y” (YWCA KL) yang juga merupakan salah satu penerima geran, berhasrat untuk memperkasakan wanita muda dalam menguasai kemahiran melalui kelas kulinari dan masakan yang diharapkan dapat memberi manfaat dan meningkatkan peluang pekerjaan menjelang akhir tahun 2022.

Selain itu, penerima geran Sinergi Aspirasi Global telah memperkenalkan Program Pemerksaan Ekonomi untuk membangunkan kemahiran perniagaan penduduk setempat khususnya komuniti B40.

Akhir sekali, menerusi geran ini, *Kampung Attap Collective* telah menganjurkan pelbagai program kreatif untuk memperkaya nilai-nilai seni dan budaya dalam presint Merdeka 118. Ia merangkumi persembahan muzik, bengkel pemuliharaan dan baik pulih buku, pameran seni serta pasar komuniti di pelbagai lokasi sekitar Kampung Attap seperti Bangunan Zhongshan, *Pentago House* dan *SAM Mansion*. Festival “PESZTA” bertemakan kemerdekaan yang diadakan pada 27 Ogos lalu telah menerima 3,000 pengunjung. Program ini merupakan acara kemuncak bagi penerima geran mempamerkan barang jualan buatan sendiri.

Untuk maklumat lanjut mengenai program ini dan cara menghantar permohonan, sila layari <https://www.merdeka118.com/communitygrants/> atau e-mel kepada merdeka@thinkcity.com.my atau hubungi +60 13 251 8930.

-TAMAT-

Mengenai PNB Merdeka Ventures Sdn. Berhad (PMVSB)

PNB Merdeka Ventures Sdn. Berhad telah diperbadankan pada bulan Jun 2000 serta merupakan pemilik dan pembina presint Merdeka 118 yang dibangunkan secara bercampur dan berkongsi lokasi dengan dua stadium warisan Malaysia. PMVSB adalah pemilik tanah dan penjaga tunggal kedua-dua Stadium Merdeka dan Stadium Negara. Kedua-dua stadium tersebut telah disenaraikan sebagai tapak "Warisan Kebangsaan" pada Oktober 2005 di bawah Akta Warisan Kebangsaan 2005. Semenjak itu, PMVSB telah menjalankan pelan pemuliharaan yang teliti sehingga Stadium Merdeka meraih Anugerah Kecemerlangan UNESCO untuk Program Pemuliharaan Warisan Kebudayaan (Asia Pasifik) pada 2008. Untuk maklumat lanjut, layari www.merdeka118.com.



@merdeka118



@merdeka_118



@precinct_118



Merdeka118

Mengenai Permodalan Nasional Berhad (PNB)

Permodalan Nasional Berhad (PNB) adalah syarikat pengurusan dana terbesar di Malaysia dengan aset di bawah pengurusan (AUM) kini melebihi RM300 bilion. Portfolio PNB merangkumi pelaburan-pelaburan strategik di syarikat korporat terkemuka Malaysia, ekuiti global, pelaburan persendirian dan harta tanah. Untuk maklumat lanjut, layari www.pnb.com.my.

Mengenai Think City

Think City adalah organisasi impak yang ditubuhkan pada tahun 2009 untuk menjadikan bandar lebih sesuai didiami, berdaya tahan dan lestari. Pengetahuan, kemahiran dan strategi kami memfokuskan kepada pengurusan dan pelaksanaan penyelesaian bandar, alam sekitar komuniti sosial dan ekonomi. Think City adalah anak syarikat milik penuh Khazanah Nasional Berhad (dana kekayaan berdaulat Malaysia). Maklumat lanjut boleh diperoleh di www.thinkcity.com.my.

Untuk pertanyaan media, sila hubungi:

1. *PNB Merdeka Ventures Sdn. Berhad: Liza Karim, Head of Communications; email: lizakarim@pnb.com.my*
2. *Think City Sdn Bhd: Nisshanthan Dhanapalan, Senior Executive, Brand & Communications; email: nisshanthan.dhana@thinkcity.com.my / Maya Tan, Lead, Brand & Communications; email: maya.tan@thinkcity.com.my*
3. **acorn communications**: Alya Nurina; email: alya@acornco.com.my | 010 221 8216